

**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN**  
**KOMPLEKS ISLAM DARULNAIM, LUNDANG**  
**15200 KOTA BHARU**  
**TEL: 09-7481512 / 7445957 FAX :09-7485512 / 7444393**

---

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia **[keutamaan kepada peranakan Negeri Kelantan]** yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

1. (a) <b>Jawatan</b>	:	<b>Penyelia Asrama Gred N19 (Perempuan Sahaja)</b>	
(b) Klasifikasi	:	Pentadbiran dan Sokongan (N)	
(c) Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana	
(d) Taraf Jawatan	:	Kontrak	
(e) Jadual Gaji	:	Gred N19	
		Gaji Minimum RM1,352.00	Gaji Maksimum RM4,003.00
			Kadar KGT RM100.00

Syarat Lantikan:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
    - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau
    - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,408.40) atau
    - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan  
(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,464.80)
  2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **GAJI PERMULAAN**

Gaji permulaan yang lebih tinggi boleh ditetapkan oleh pihak MAIK berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

## **HAD UMUR**

Calon-calon hendaklah berumur **tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 58 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan

## **CARA MEMOHON**

- i) Permohonan hendaklah dibuat melalui link berikut: <https://bit.ly/3fnMnQ>.
- ii) Slip Pengesahan Permohonan (klik: <https://bit.ly/3np2BFn>) hendaklah dicetak dan dikembarkan bersama RESUME dan salinan sijil-sijil yang telah disahkan.
- iii) Permohonan hanya akan diproses apabila pemohon menghantar **RESUME lengkap beserta salinan sijil-sijil** persekolahan, kad pengenalan, surat beranak serta surat-surat berkaitan yang **telah disahkan** oleh pegawai perkhidmatan gred 41 dan ke atas.
- iv) RESUME lengkap (disertakan gambar berukuran passport) hendaklah mengandungi maklumat berikut:
  - i. Maklumat Diri
  - ii. Nombor Kad Pengenalan
  - iii. Nombor Telefon Bimbit
  - iv. Maklumat Akademik
  - v. Maklumat Ko-Kurikulum
  - vi. Pengalaman Kerja
  - vii. Rujukan
- v) Permohonan yang tidak lengkap dan lewat diterima tidak akan dilayan.

## **ALAMAT PERMOHONAN**

Permohonan hendaklah sampai ke alamat berikut:

YABrs. Timbalan Yang Dipertua,  
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan,  
Kompleks Islam Darulnaim, Lundang,  
**15200 KOTA BHARU.**

**SEBELUM ATAU PADA : 31 JANUARI 2022**

## **PERKARA AM**

- i) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- ii) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh tutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- iii) Sila nyatakan Nama dan Gred Jawatan yang dipohon di sebelah kiri sampul surat.